

Najib Dijangka Sentuh Isu Perumahan Mampu Milik Dalam Belanjawan 2013 - Chor Bernama
12 September, 2012

PUTRAJAYA, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka menyentuh isu perumahan mampu milik dalam Belanjawan 2013 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 28 Sept.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung berkata Perdana Menteri juga begitu prihatin berhubung isu berkenaan dan akan bertanya mengenainya dalam setiap mesyuarat jemaah menteri.

"Saya tidak tahu apa yang akan dinyatakannya, tapi beliau akan menyatakan sesuatu dalam belanjawan bagi menunjukkan keprihatinannya berhubung isu itu," katanya kepada pemberita pada majlis Hari Raya Aidilfitri anjuran kementerian di sini.

Berhubung perkara sama, Chor berkata kementeriannya sedang menyediakan kertas kerja, menyenaraikan isu-isu dan langkah-langkah yang disyorkan berhubung isu itu yang akan dikemukakan pada mesyuarat Kabinet minggu depan sebagai satu panduan kepada kerajaan.

Katanya idea itu dijana melalui tiga seminar dan perbincangan meja bulat dengan pihak berkepentingan termasuk Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), persatuan pembeli rumah, persatuan arkitek dan profesional yang lain.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694153>